

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

12. Nyatakan statistik pemandu mabuk di Pulau Pinang dari tahun 2015 sehingga tahun 2020.
- (a) Apakah hukuman yang dikenakan kepada pemandu mabuk?
 - (b) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri kepada waris mangsa disebabkan pemandu mabuk?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

12. Statistik Pemandu Mabuk di Pulau Pinang dari Tahun 2015 sehingga Tahun 2020 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Mengikut Seksyen 45 (A), Akta Pengangkutan Jalan 1987, hukuman yang dikenakan kepada pemandu mabuk apabila disabitkan dengan kesalahan akan dihukum denda tidak kurang daripada RM1,000.00 dan tidak lebih daripada RM6,000.00 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan. Walau bagaimanapun, dalam hal sabitan kedua atau kali kemudian, denda akan dikenakan tidak kurang daripada RM2,000.00 dan tidak lebih daripada RM10,000.00 dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun. Namun begitu, Mahkamah Majistret Georgetown Pulau Pinang pada kebiasaananya akan menjatuhkan hukuman bagi kesalahan tersebut dengan mengenakan denda di antara RM2,000 hingga RM7,000.00.

- (b) Kerajaan Negeri buat masa ini belum lagi menyediakan dana untuk memberikan sumbangan kepada waris mangsa pemandu mabuk yang terlibat.